

Bil. S 18

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA
(PENGAL 68)**

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA
(KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM)
(LESEN PEKERJAAN DAN KELAKUAN PEMANDU, KONDUKTOR
DAN PENUMPANG), 2004**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

LESEN PEKERJAAN

3. Lesen pekerjaan.
4. Permohonan bagi mendapatkan lesen.
5. Menimbangkan permohonan bagi mendapatkan lesen.
6. Pengeluaran lesen dan had umur.
7. Borang dan kesahan lesen.
8. Pembaharuan lesen.
9. Terhentinya kesahan lesen.
10. Lesen tidak boleh diubah.
11. Perubahan alamat.
12. Cabutan rekod.

13. Lesen gantian.
14. Kesan penggantungan atau pembatalan lesen.
15. Mempamerkan lesen.
16. Memiliki lesen.
17. Kehendak untuk hadir.
18. Hanya pemegang lesen sahaja boleh menggunakan dll. lesen.

BAHAGIAN III

KELAKUAN PEMANDU, KONDUKTOR DAN PENUMPANG

19. Kelakuan pemandu dan konduktor.
20. Kelakuan pemandu.
21. Kelakuan pemandu teksi.
22. Meter teksi hendaklah dipateri
23. Kadar maksimum teksi sewa.
24. Tingkahlaku konduktor.
25. Membawa bagasi dan binatang di dalam bas bermotor.
26. Orang-orang dilarang memasuki atau turun dari bas bermotor kecuali di perhentian atau terminal bas.
27. Kewajipan penumpang di dalam bas bermotor berkenaan dengan tiket.
28. Larangan ke atas orang-orang yang berdiri di atas jalan raya semasa menunggu bas bermotor atau teksi di perhentian bas dll.
29. Berbaris di perhentian teksi.
30. Penumpang dilarang merokok di dalam kenderaan.
31. Kenderaan hendaklah diperiksa sejurus sebelum atau setelah berakhirnya perjalanan.
32. Hukuman.

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA
(PENGAL 68)**

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA
(KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM)
(LESEN PEKERJAAN DAN KELAKUAN PEMANDU, KONDUKTOR
DAN PENUMPANG), 2004**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 93 dari Akta Lalulintas Jalan Raya, maka Menteri Perhubungan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Kenderaan Perkhidmatan Awam) (Lesen Pekerjaan dan Kelakuan Pemandu, Konduktor dan Penumpang), 2004.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"pegawai yang diberi kuasa" bermakna mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengarah untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Peraturan-Peraturan ini;

"orang yang diberi kuasa" bermakna pemegang lesen sesebuah kenderaan, pekerja pemilik sesebuah kenderaan atau seseorang yang bertindak sebagai pemandu atau konduktor sesebuah kenderaan selagi kenderaan itu digunakan untuk membawa penumpang bagi maksud keuntungan;

"konduktor" bermakna mana-mana orang yang dikeluarkan suatu lesen untuk bertindak sebagai konduktor sesebuah kenderaan;

"pemandu" bermakna mana-mana orang yang dikeluarkan suatu lesen untuk memandu sesebuah kenderaan;

"lesen" bermakna suatu lesen pekerjaan yang dikeluarkan di bawah peraturan kecil (1) peraturan 6;

"pemegang lesen" bermakna pemegang suatu lesen;

"kenderaan" bermakna mana-mana kenderaan perkhidmatan awam.

BAHAGIAN II

LESEN PEKERJAAN

Lesen pekerjaan.

3. (1) Tiada sesiapa pun boleh memandu atau bertindak sebagai pemandu atau konduktor sesebuah kenderaan melainkan jika dia adalah pemegang suatu lesen pekerjaan.

(2) Peraturan kecil (1) tidak dikenakan kepada seseorang yang memandu sesebuah kereta sewa persendirian atau bas persendirian, semasa menjalankan pekerjaannya atau pun selainnya.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peraturan kecil (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$2,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Permohonan bagi mendapatkan lesen.

4. (1) Permohonan bagi mendapatkan suatu lesen di bawah peraturan kecil (1) peraturan 3 hendaklah dibuat kepada Pengarah.

(2) Permohonan di bawah peraturan kecil (1) hendaklah —

(a) dibuat secara bertulis dalam borang sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pengarah dan ditandatangani oleh pemohon;

(b) disertakan dengan 2 keping gambar ukuran pasport terbaru pemohon.

Menimbang permohonan bagi mendapatkan lesen.

5. (1) Tiada lesen boleh dikeluarkan melainkan jika Pengarah berpuas hati bahawa pemohon adalah orang yang layak dan sesuai.

(2) Dalam menimbangkan permohonan bagi mendapatkan suatu lesen, Pengarah boleh membuat siasatan sebagaimana yang difikirkannya patut dan boleh menghendaki pemohon untuk memberikan —

(a) keterangan mengenai umur pemohon;

(b) suatu perakuan daripada seseorang pengamal perubatan dalam perkhidmatan awam bahawa pemohon adalah sihat dari segi jasmani bagi pekerjaan yang berkaitan dengannya permohonan dibuat di bawah peraturan 4;

(c) dalam hal permohonan bagi mendapatkan suatu lesen untuk menjadi pemandu, keterangan bahawa pemohon memegang suatu lesen memandu yang dikeluarkan di bawah Bahagian IV dari Akta tersebut untuk memandu jenis kenderaan yang berkaitan dengannya permohonan dibuat di bawah peraturan 4;

(d) dalam hal permohonan bagi mendapatkan suatu lesen untuk menjadi pemandu sesebuah teksi, keterangan bahawa pemohon memegang suatu lesen memandu untuk memandu kenderaan Kelas 3 selama lebih dari setahun; dan

(e) dalam hal permohonan bagi mendapatkan suatu lesen untuk menjadi pemandu sesebuah teksi berhawa dingin, selain dari kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan kecil (b) dan (d), suatu perakuan daripada seseorang pengamal perubatan dalam perkhidmatan awam yang menyatakan bahawa pemohon tidak menghidap penyakit tibi.

Pengeluaran lesen dan had umur.

6. (1) Pengarah boleh, jika dia berpuas hati dengan perkara-perkara yang disebut dalam peraturan-peraturan 4 dan 5 dan bahawa pemohon telah membayar bayaran sebanyak \$50, mengeluarkan suatu lesen kepada pemohon untuk bertindak —

(a) sebagai konduktor sesebuah bas bermotor, jika dia berumur 18 tahun ke atas;

(b) sebagai pemandu sesebuah bas bermotor, jika dia berumur 21 tahun ke atas; dan

(c) sebagai pemandu sesebuah kenderaan selain dari bas bermotor, jika dia berumur 21 tahun ke atas,

dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin difikirkan patut untuk dikenakan oleh Pengarah.

(2) Lesen untuk bertindak sebagai pemandu sesebuah kenderaan tidaklah boleh dikeluarkan kepada mana-mana orang yang telah mencapai umur 70 tahun.

Borang dan kesahan lesen.

7. (1) Lesen hendaklah dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah.

(2) Lesen hendaklah sah bagi tempoh selama satu tahun atau tempoh yang lebih pendek sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah.

Pembaharuan lesen.

8. (1) Peraturan-peraturan 4, 5, 6 dan 7 hendaklah juga dikenakan kepada pembaharuan suatu lesen.

(2) Pengarah boleh, dalam hal permohonan bagi pembaharuan suatu lesen untuk memandu sesebuah teksi, menghendaki supaya pemegang lesen mengikuti dengan memuaskn suatu kursus ulangkaji pemandu teksi yang dijalankan oleh Pengarah.

(3) Suatu lesen yang telah diperbaharui hendaklah berkuatkuasa mulai dari hari pertama pada bulan lesen itu diperbaharui atau mulai dari hari selepas tamat tempoh lesen terdahulu mengikut yang mana terkemudian.

(4) Lesen yang telah terhenti sahnyanya bagi tempoh yang berterusan selama lebih dari satu tahun tidaklah boleh diperbaharui melainkan jika Pengarah memutuskan selainnya.

Terhentinya kesahan lesen.

9. (1) Suatu lesen untuk memandu sesebuah kenderaan hendaklah terhenti sahnyanya —

(a) mulai dari hari pemegang lesen dilarang dari memandu oleh mana-mana mahkamah atau pun selainnya dari memegang suatu lesen memandu yang dikeluarkan di bawah Bahagian IV dari Akta tersebut; atau

(b) mulai dari tarikh tamat tempoh, penggantungan atau pembatalan lesen memandu itu di bawah Akta tersebut,

dan pemegang lesen hendaklah mengembalikan lesen itu kepada Pengarah pada tarikh larangan memandu, tamat tempoh, penggantungan atau pembatalan tersebut, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Dengan tidak menghiraukan peraturan kecil (1), Pengarah boleh membenarkan pemegang lesen untuk memegang lesen memandu sesebuah kenderaan jika larangan memandu, tamat tempoh, penggantungan atau pembatalan tersebut bukan berkaitan dengan jenis kenderaan yang disebut dalam lesen itu.

Lesen tidak boleh diubah.

10. Tiada sesiapa pun boleh membuat apa-apa tanda atau catatan pada, atau memadam atau mengubah apa-apa catatan pada, sebarang lesen.

Perubahan alamat.

11. Pemegang lesen hendaklah memberitahu Pengarah secara bertulis mengenai sebarang perubahan alamatnya dalam masa 7 hari dari perubahan tersebut.

Cabutan rekod.

12. Pengarah boleh memberikan, jika permohonan dibuat mengenainya dan setelah bayaran sebanyak \$25 dibayar, satu salinan butir-butir atau suatu cabutan dari suatu lesen.

Lesen gantian.

13. Jika suatu lesen telah hilang, rosak, dicatitkan atau diubah supaya sebarang catatan dalam lesen itu tidak dapat dibaca atau tidak mudah dibaca, pemegang lesen hendaklah dengan segera memohon kepada Pengarah bagi suatu lesen gantian, Pengarah setelah berpuashati bahawa lesen itu telah hilang, rosak, dicatitkan atau diubah hendaklah, setelah bayaran sebanyak \$25 dibayar, mengeluarkan kepada pemegang lesen suatu lesen gantian, dengan mencatatkan di dalamnya butir-butir yang terkandung dalam lesen asal, dan lesen gantian yang dikeluarkan itu hendaklah mempunyai kuatkuasa sama seperti lesen asal:

Dengan syarat bahawa lesen gantian tidaklah boleh dikeluarkan —

(a) dalam hal suatu lesen yang telah hilang atau rosak, melainkan jika suatu pengakuan berkanun dan suatu laporan polis mengenai lesen yang telah hilang atau rosak itu dikemukakan kepada Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa; dan jika lesen asal dijumpai dalam masa lesen gantian itu masih digunakan, pemegang lesen hendaklah mengembalikan lesen asal itu dengan seberapa segera yang boleh kepada Pengarah;

(b) dalam hal suatu lesen yang telah dicatatkan atau diubah, melainkan jika lesen asal diserahkan kepada Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa;

Kesan penggantungan atau pembatalan lesen.

14. (1) Sekiranya suatu lesen memandu digantung atau dibatalkan di bawah Akta tersebut, pemegang lesen hendaklah dengan segera menyerahkan sebarang lesen untuk memandu sesebuah kenderaan kepada Pengarah.

(2) Setelah tamatnya tempoh penggantungan di bawah Akta tersebut, Pengarah hendaklah atas permintaan bertulis pemegang lesen, mengembalikan lesen itu kepadanya melainkan jika lesen itu terhenti sahnyanya kerana luput masa.

Mempamerkan lesen.

15. (1) Pemegang lesen hendaklah pada bila-bila masa apabila bertindak sebagai pemandu atau konduktor sesebuah kenderaan, mengikut mana yang berkenaan, memakai lesen itu di dada sebelah kiri mengikut cara supaya butir-butir yang dicatatkan di dalamnya kelihatan dengan jelas.

(2) Peraturan kecil (1) tidak dikenakan kepada mana-mana pemegang lesen yang lesennya telah hilang, rosak, dicatatkan atau diubah jika dia telah memberitahu Pengarah mengenainya dan memohon suatu lesen gantian di bawah peraturan 13.

Memiliki lesen.

16. Pemegang lesen hendaklah pada bila-bila masa menyimpan lesen itu dalam milikannya apabila bertindak sebagai pemandu atau konduktor sesebuah kenderaan sehingga dia dikehendaki untuk mengembalikan atau menyerahkannya kepada Pengarah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan ini dan tidaklah boleh menyebabkan atau membenarkannya untuk digunakan oleh atau berada dalam milikan, mana-mana orang lain.

Kehendak untuk hadir.

17. Pengarah boleh menghendaki pemegang lesen untuk hadir di hadapannya atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa bagi maksud menentukan sama ada atau tidak pemegang lesen telah mematuhi Bahagian V dari Akta tersebut dan Peraturan-Peraturan ini.

Hanya pemegang lesen sahaja boleh menggunakan dll. lesen.

18. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan ini, tiada sesiapa pun, selain daripada pemegang lesen boleh menggunakan, memakai atau memiliki, lesen itu.

BAHAGIAN III

KELAKUAN PEMANDU, KONDUKTOR DAN PENUMPANG

Kelakuan pemandu dan konduktor.

19. Pemegang lesen, apabila bertindak sebagai pemandu atau konduktor sesebuah kenderaan yang akan atau telah disewa atau digunakan untuk membawa penumpang-penumpang bagi maksud keuntungan, hendaklah —

(a) berkelakuan dengan sopan dan tertib;

(b) mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan keselamatan penumpang-penumpang di dalam atau yang memasuki atau turun dari kenderaan itu;

(c) tidak menipu dengan sengaja atau enggan memberitahu mana-mana penumpang atau bakal penumpang tentang destinasi atau laluan kenderaan itu atau tentang tambang bagi kenderaan yang telah disewa itu atau bagi mana-mana perjalanan yang akan dilalui oleh kenderaan itu;

(d) tidak merokok di dalam atau di atas kenderaan itu dalam masa perjalanan;

(e) menunjukkan lesennya apabila diminta oleh seseorang pegawai polis, Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa;

(f) memakai pakaian atau pakaian seragam dan kasut sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pengarah, dan hendaklah pada setiap masa menjaganya dengan kemas, bersih dan dalam keadaan baik;

(g) dalam keadaan bersih, kemas dan rapi dan tidaklah boleh dalam keadaan yang dilihat janggal oleh mana-mana penumpang; dan keadaan pakaiannya tidaklah boleh dalam keadaan yang mungkin dengan munasabah dijangka mengotorkan atau merosakkan lapisan atau kusyen kenderaan itu atau pakaian mana-mana penumpang;

(h) pada bila-bila masa yang munasabah, tidak menghalang atau lalai memberi semua maklumat dan bantuan yang munasabah kepada mana-

mana orang yang mempunyai kuasa di bawah Peraturan-Peraturan ini atau undang-undang bertulis lain untuk memeriksa kenderaan itu;

(i) tidak membenarkan apa-apa barang, yang mungkin mengotorkan atau merosakkan kenderaan itu atau yang menganjur melimpasi atap atau sisinya, untuk di bawa masuk atau diangkut oleh kenderaan itu;

(j) tidak membenarkan mana-mana orang untuk bertindak bagi menggantikannya, sebagai pemandu atau konduktor kenderaan itu tanpa persetujuan bertulis majikan pemegang lesen atau pemilik kenderaan itu;

(k) tidak meninggalkan mana-mana penumpang sebelum perjalanan kenderaan yang telah disewa itu atau yang akan dilalui oleh kenderaan itu selesai;

(l) tidak mendesak atau mengganggu mana-mana orang bagi maksud mendapatkan mana-mana penumpang;

(m) kerana kecuaiannya atau dengan sengaja berkelakuan tidak senonoh, tidak menyebabkan kecederaan atau kerosakan kepada mana-mana orang atau harta di dalam kenderaan itu; dan

(n) tidak lalu-lalang mencari penumpang jika kenderaan itu atau mana-mana aksesori atau perlengkapan kenderaan itu tidak bersih atau tidak dalam keadaan baik, bagus atau memuaskan.

Kelakuan pemandu.

20. Pemegang lesen, apabila bertindak sebagai pemandu sesebuah kenderaan, hendaklah —

(a) di atas mana-mana jalan raya, berada di tempat duduk pemandu melainkan jika terdapat sesuatu sebab yang munasabah untuk berbuat selainnya;

(b) tidak menghalang atau mengadang pemandu mana-mana kenderaan lain dari menyewa kenderaan lain itu atau dari mengambil mana-mana penumpang;

(c) menghentikan kenderaan yang dipandu olehnya apabila diarahkan untuk berbuat demikian oleh Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa;

(d) bagi maksud mengambil atau menurunkan penumpang-penumpang, menghentikan kenderaan itu seberapa dekat yang boleh dengan bahu jalan dan selari dengannya; dan jika ruang bas disediakan, kenderaan

itu jika ia adalah sebuah bas bermotor, hendaklah berhenti di dalam ruang bas itu;

(e) tidak menyebabkan kenderaan itu terus berhenti di atas mana-mana jalan raya lebih lama dari yang diperlukan untuk mengambil atau menurunkan penumpang-penumpang melainkan jika terdapat sesuatu sebab yang munasabah untuk berbuat selainnya;

(f) dalam hal sesebuah bas bermotor, tidak menghentikan kenderaannya di mana-mana tempat bagi maksud mengambil atau menurunkan penumpang-penumpang selain dari di suatu terminal bas atau suatu perhentian bas yang disediakan bagi maksud tersebut;

(g) dalam hal sesebuah bas bermotor, jika kenderaan itu sedang bergerak, tidak bercakap dengan mana-mana orang melainkan jika terdapat sesuatu sebab yang munasabah untuk berbuat demikian;

(h) dalam hal sesebuah bas bermotor, tidak mengisi minyak pada kenderaan itu jika penumpang-penumpang berada di dalamnya; dan

(i) dalam hal sesebuah bas bermotor, menghentikan kenderaan itu di perhentian bas seterusnya yang disediakan apabila seseorang penumpang di dalam kenderaan itu memberi isyarat untuk berhenti atau oleh mana-mana orang di perhentian bas melainkan jika terdapat sesuatu sebab yang munasabah untuk berbuat selainnya.

Kelakuan pemandu teksi.

21. Pemegang lesen, apabila bertindak sebagai pemandu teksi, hendaklah —

(a) mempamerkan di dalam teksi tersebut, nombor berdaftar kenderaan itu mengikut cara dan dalam kedudukan sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Pengarah;

(b) tidak menghentikan teksi tersebut dalam jarak 20 meter dari suatu perhentian bas kecuali jika kenderaan itu rosak;

(c) sekiranya tiada sebarang sebab yang munasabah untuk berbuat selainnya, pergi ke destinasi yang dinamakan oleh seseorang penyewa atau penumpang teksi tersebut dengan jalan terdekat dan terus;

(d) tidak menggerakkan mekanisme meter teksi sebelum teksi tersebut disewa dan hendaklah menghentikan meter teksi sebaik sahaja penyewaan teksi tersebut berakhir;

(e) tertakluk kepada perenggan (f), semasa teksi tersebut disewa atau mana-mana penumpang dibawa, menggerakkan meter teksi dan tidaklah boleh menghentikan meter teksi atau menyebabkan atau membenarkan meter teksi untuk dihentikan sehingga penyewaan teksi tersebut berakhir atau penumpang terakhir telah turun;

(f) apabila teksi yang membawa mana-mana penumpang bagi maksud keuntungan berhenti di atas mana-mana jalan raya atau mana-mana tempat lain kerana kekurangan minyak atau sebarang kerosakan pada kenderaan itu atau tayarnya, dengan serta-merta menyebabkan supaya isyarat atau tanda meter teksi menunjukkan "BERHENTI", dan tidaklah boleh menggerakkan lagi mekanisme meter teksi sehingga teksi tersebut dapat menyambung semula perjalanan;

(g) di bawah sebarang hal keadaan, tidak menutup atau melindungi permukaan meter teksi apabila teksi tersebut sedang disewa, lalu-lalang mencari penumpang, atau membawa mana-mana penumpang bagi maksud keuntungan;

(h) tidak mengenakan mana-mana penumpang tambang yang berbeza bagi perjalanan sama;

(i) tanpa alasan yang munasabah, tidak menamatkan penyewaan teksi tersebut atau menghendaki mana-mana penumpang yang sedang dibawa bagi maksud keuntungan supaya meninggalkan teksi tersebut sebelum penumpang itu dibawa ke destinasi;

(j) tanpa alasan yang munasabah, tidak menggunakan teksi tersebut untuk membawa mana-mana orang yang menghidap penyakit berjangkit atau untuk membawa mayat;

(k) dalam masa teksi itu disewa, tidak membenarkan mana-mana orang atau barang untuk dibawa di dalam atau di atas teksi itu tanpa persetujuan penyewa;

(l) dalam hal radio teksi, hanya menggerakkan mekanisme meter teksinya selepas mengambil tambangnya;

(m) tanpa pelawaan atau kebenaran, tidak memasuki kawasan mana-mana harta persendirian atau jalan persendirian;

(n) tidak meminta atau menerima daripada mana-mana penumpang lebih dari tambang yang telah dibenarkan oleh Lembaga Melesen;

(o) tidak mencari penumpang dengan cara berterusan mendesak atau tidak senonoh;

(p) tanpa sebab atau alasan yang munasabah, tidak meninggalkan teksinya tanpa jagaan; dan

(q) tidak menunjukkan tanda "BUKAN UNTUK DISEWA" atau tanda "DIPANGGIL" apabila teksi itu tidak membawa mana-mana penumpang.

Meter teksi hendaklah dipateri.

22. Pemegang lesen, apabila bertindak sebagai pemandu teksi, tidaklah boleh menggunakan sesebuah teksi untuk lalu-lalang mencari penumpang atau untuk membawa penumpang bagi maksud keuntungan melainkan jika meter teksi —

(a) telah dipateri oleh Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dan setiap pateri yang dilekatkan pada meter teksi adalah utuh dan setiap bahagiannya adalah dalam keadaan baik dan memuaskan;

(b) dilaraskan supaya ia akan dapat mendaftarkan dengan betul bayaran tambang atau sewa sebagaimana yang dibenarkan oleh Lembaga Melesen.

Kadar maksimum teksi sewa.

23. Pemegang lesen, apabila bertindak sebagai pemandu teksi, hendaklah mempunyai jadual kadar maksimum sewa yang dibenarkan yang telah diluluskan oleh Lembaga Melesen dan menyimpannya di dalamnya dengan cara atau kedudukan sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Pengarah.

Tingkah laku konduktor.

24. Pemegang lesen, apabila bertindak sebagai konduktor sesebuah kenderaan, hendaklah —

(a) dalam hal bas bermotor, mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa setiap cara yang disediakan untuk menunjukkan laluan, tambang dan destinasi kenderaan itu adalah dipamerkan dengan cara dan kedudukan sebagaimana yang mungkin diarahkan Pengarah;

(b) dalam hal bas bermotor, tidak meminta atau menerima daripada mana-mana penumpang lebih dari tambang yang telah dibenarkan oleh Lembaga Melesen;

(c) dalam hal bas bermotor, memberikan nilai tiket yang betul untuk tambang perjalanan yang diliputi setelah tambang itu dibayar oleh seseorang penumpang;

(d) dalam hal bas bermotor, tanpa kelengahan yang tidak sepatutnya memberi isyarat kepada pemandu untuk menghentikan kenderaan tersebut di perhentian bas seterusnya yang disediakan setelah mana-mana penumpang memberi isyarat mengenai tujuannya hendak turun dari kenderaan tersebut;

(e) apabila kenderaan tersebut bergerak, tidak mengganggu perhatian pemandu atau bercakap dengannya melainkan jika ada sebab yang munasabah untuk berbuat demikian;

(f) melarang tiap-tiap penumpang dari berdiri di atas anak tangga kenderaan tersebut semasa ia bergerak; dan

(g) melarang lebih ramai penumpang dibawa dari jumlah yang dibenarkan.

Membawa bagasi dan binatang di dalam bas bermotor.

25. (1) Konduktor sesebuah bas bermotor tidaklah boleh membenarkan apa jua jenis bungkusan, paket atau bagasi untuk dibawa di atas atap, madgad atau di belakang bas bermotor itu kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah.

(2) Tertakluk kepada peraturan kecil (3), konduktor sesebuah bas bermotor boleh membenarkan bagasi tangan untuk dibawa di dalam bas bermotor itu.

(3) Konduktor sesebuah bas bermotor tidaklah boleh membenarkan apa-apa barang atau binatang, yang dari jenisnya mungkin mengotorkan bas bermotor itu, menyebabkan kecederaan atau ketidakselesaan kepada mana-mana penumpang atau menganjur melimpasi sisi, belakang atau atap bas bermotor itu, untuk dibawa di dalamnya.

Orang-orang dilarang memasuki atau turun dari bas bermotor kecuali di perhentian atau terminal bas.

26. Tiada sesiapa pun boleh memasuki atau turun dari sesebuah bas bermotor kecuali di suatu perhentian bas atau terminal bas yang disediakan bagi maksud itu jika bas bermotor tersebut dipandu bagi maksud keuntungan.

Kewajipan penumpang di dalam bas bermotor berkenaan dengan tiket.

27. (1) Penumpang di dalam sesebuah bas bermotor tidaklah boleh menggunakan atau cuba menggunakan —

(a) sebarang tiket yang telah diubah atau dicatkan, dengan tujuan hendak mengelakkan dari membayar tambang;

(b) sebarang tiket yang telah dikeluarkan kepada orang lain jika tiket tersebut mempunyai arahan bahawa ia tidak boleh dipindah milik; atau

(c) sebarang tiket bermasa atau bermusim yang telah tamat tempohnya dengan tujuan hendak mengelakkan dari membayar tambang.

(2) Tiap-tiap penumpang di dalam sesebuah bas bermotor hendaklah —

(a) melainkan jika dia adalah pemegang tiket berkaitan dengan perjalanan tersebut, sejurus setelah diminta, menetapkan perjalanan yang dimaksudkan hendak diambil atau telah diambil olehnya dan membayar kepada konduktor tambang bagi seluruh perjalanan tersebut dan menerima tiket yang diberikan;

(b) jika dikehendaki oleh konduktor, meninggalkan kenderaan itu setelah perjalanan yang diliputi oleh tiket itu selesai;

(c) jika dikehendaki oleh mana-mana orang yang diberi kuasa, menunjukkan tiketnya, jika ada, atau jika dia gagal menunjukkannya, membayar tambang bagi perjalanan yang diambil atau akan diambil olehnya;

(d) jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana orang yang diberi kuasa, menyerahkan tiketnya kepada orang yang diberi kuasa itu setelah perjalanan yang diliputi oleh tiket itu selesai;

(e) jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana orang yang diberi kuasa, menyerahkan sebarang tiket bermasa atau bermusim yang dipegang olehnya kepada orang yang diberi kuasa itu, pada tamatnya tempoh tiket bermasa atau bermusim yang telah dikeluarkan kepadanya itu; dan

(f) jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana orang yang diberi kuasa, menyerahkan sebarang tiket yang dipegang olehnya kepada orang yang diberi kuasa itu, sama ada setelah perjalanan yang diliputi oleh tiket tersebut selesai atau sebagai tukaran dengan tiket baru yang meliputi perjalanan yang berhak diambilnya.

(3) Seseorang penumpang tidaklah boleh meninggalkan atau cuba meninggalkan sesebuah bas bermotor tanpa membayar tambang bagi perjalanan yang telah diambilnya atau dengan tujuan hendak mengelakkan dari membayar tambang.

Larangan ke atas orang-orang yang berdiri di atas jalan raya semasa menunggu bas bermotor atau teksi di perhentian bas dll.

28. Tiada sesiapa pun boleh, di suatu perhentian bas, terminal bas atau perhentian teksi, berdiri di atas atau berada di mana-mana bahagian kawasan jalan raya jika —

(a) kawasan tersebut dimaksudkan untuk sesebuah bas bermotor atau teksi bagi mengambil atau menurunkan penumpang-penumpang, dan ditandakan di atas jalan raya dengan garis kuning; dan

(b) suatu perhentian bas atau laluan pejalan kaki bersebelahan dengan kawasan itu.

Berbaris di perhentian teksi.

29. Tiada sesiapa pun boleh, di mana-mana perhentian teksi yang disediakan dengan susur adang untuk berbaris, berdiri di atas atau berada di mana-mana bahagian perhentian teksi itu kecuali semasa berbaris.

Penumpang dilarang merokok di dalam kenderaan.

30. Seseorang penumpang tidaklah boleh merokok di dalam mana-mana kenderaan.

Kenderaan hendaklah diperiksa sejurus sebelum atau setelah berakhirnya perjalanan.

31. (1) Sejurus sebelum atau setelah berakhirnya sebarang perjalanan, konduktor atau jika konduktor tidak ada, pemandu sesebuah kenderaan, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah setakat yang boleh memeriksa kenderaan tersebut kalau-kalau ada apa-apa harta yang tertinggal di dalamnya secara tidak sengaja dan hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh dan dalam sebarang hal dalam masa 24 jam, menyerahkan harta itu dalam keadaan seperti ia mula berada dalam milikannya kepada Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa atau seseorang pegawai polis di balai polis yang akan memberikan kepada konduktor atau pemandu, mengikut mana yang berkenaan, suatu resit bagi harta itu.

(2) Apa-apa harta yang diserahkan kepada seseorang pegawai polis menurut peraturan kecil (1) hendaklah dengan serta-merta disimpan di pejabat Pengarah yang akan memberikan kepada pegawai polis itu suatu resit bagi harta itu.

(3) Pengarah yang menyimpan harta itu menurut peraturan ini hendaklah menyimpan harta itu dengan selamat sehingga dituntut oleh pemiliknya atau dilupuskan menurut peraturan-peraturan kecil (5) dan (6).

(4) Jika nama dan alamat pemilik apa-apa harta yang diserahkan kepada atau disimpan di pejabat Pengarah dapat dipastikan dengan mudah, Pengarah hendaklah dengan serta-merta memberitahu pemiliknya bahawa harta tersebut ada dalam milikannya dan boleh dituntut.

(5) Jika apa-apa harta yang disimpan oleh Pengarah tidak dibuktikan sehingga memuaskan hati Pengarah sebagai kepunyaan pihak menuntut dalam masa 3 bulan dari tarikh harta itu diserahkan menurut peraturan kecil (1) oleh konduktor atau pemandu sesebuah kenderaan, mengikut mana yang berkenaan, harta tersebut boleh selepas itu dijual dengan lelongan awam.

(6) Jika apa-apa harta yang disimpan oleh Pengarah pada pendapatnya adalah dari jenis yang cepat rosak dan harta itu tidak dituntut dalam masa 48 jam dari masa ia dijumpai, dia boleh selepas itu memusnahkan atau pun selainnya melupuskannya dengan cara sebagaimana yang difikirkannya patut; dan jika harta itu dijual, hasilnya hendaklah dikendalikan mengikut cara yang diperuntukkan oleh peraturan-peraturan kecil (8) dan (9).

(7) Jika apa-apa harta terkandung dalam suatu bungkusan, beg atau bekas lain, Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh menyebabkan bungkusan, beg atau bekas lain itu dibuka dan kandungannya diperiksa jika dia menganggapnya perlu untuk berbuat demikian bagi maksud —

(a) mengenalpasti dan mengesan pemilik harta itu; atau

(b) memastikan jenis kandungannya.

(8) Wang yang diperolehi dari sebarang penjualan di bawah peraturan-peraturan kecil (5) dan (6) hendaklah, setelah membayar sebarang perbelanjaan yang dilakukan oleh konduktor atau pemandu, mengikut mana yang berkenaan, dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan peraturan kecil (1), dibayar ke dalam Kumpulanwang Yang Disatukan.

(9) Jika apa-apa harta dihantar kepada pihak menuntut semua kos pengangkutan yang dilakukan dengan munasabah oleh konduktor atau pemandu, mengikut mana yang berkenaan, dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan peraturan kecil (1) hendaklah dibayar kepada konduktor atau pemandu, mengikut mana yang berkenaan, oleh pihak menuntut.

(10) Pengarah hendaklah menyimpan suatu daftar semua wang dan harta lain yang diserahkan kepada atau disimpan olehnya di bawah peraturan-peraturan kecil (1) dan (2), mengikut mana yang berkenaan, dan pelupusan wang dan harta itu di bawah peraturan-peraturan kecil (5) dan (6).

Hukuman.

32. Mana-mana orang yang melanggar sebarang peruntukan Peraturan-Peraturan ini di mana tiada hukuman diperuntukkan secara khusus atau yang melanggar sebarang syarat yang tertakluk kepadanya sebarang lesen telah dikeluarkan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$250, dan dalam hal penyabitkan kesalahan yang kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$500, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Zulhijah, Tahun Hijrah 1424 bersamaan dengan 7 haribulan Februari, 2004.

PEHIN ORANG KAYA AMAR PAHLAWAN
DATO SERI SETIA HAJI AWANG ZAKARIA BIN
DATU MAHAWANGSA HAJI SULAIMAN
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.